



**JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**  
Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000

Faks: 088-212655

E-mel: [bn.jbn@sabah.gov.my](mailto:bn.jbn@sabah.gov.my)

**Bil. JBNS: 100-4/3316/ Jld. 3 / ( 1 )**

**Tarikh : 18 Disember 2013**

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 6 TAHUN 2013  
PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI  
TAHUN 2013**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan **Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 15/2013** bertarikh **16 Disember 2013**.
3. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 15/2013 dan Pekeliling Jabatan ini boleh didapati di laman Sabahnet di <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

**LATARBELAKANG**

4. Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 dibayar kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 15/2013 bertarikh 16 Disember 2013. Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 ini akan dibayar serentak dengan gaji bulan Januari 2014.

**KAEDAH PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2013 MELALUI SISTEM GAJI PUSAT (SGP)**

5. Bagi anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang gajinya aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) pada bulan Januari 2014, Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 akan dibayar secara automatik. Ini termasuklah anggota Perkhidmatan Awam Negeri di Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).

6. Anggota yang dilantik pada tahun 2013, samada lantikan baru atau dilantik semula selepas bersara, kembali dari cuti tanpa gaji, dinaikkan pangkat, ditukarkan ke pejabat lain, dipinjamkan atau bertukar skim perkhidmatan dalam tahun 2013 dan gaji mereka adalah aktif dibayar melalui SGP dalam bulan Januari 2014, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 kepada mereka juga akan dibuat secara automatik tertakluk kepada keadaan di mana rekod gaji anggota berkenaan dalam Rekod Induk Gaji adalah memenuhi syarat seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 15/2013.

7. Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan '**Laporan Bayaran Bonus (Setengah Bulan Gaji atau Minima RM500.00) Berdasarkan Gaji Bulan Disember 2013**' untuk rujukan dan simpanan Kementerian/Jabatan masing-masing. Ketua Jabatan disaran supaya menyemak laporan tersebut dengan teliti dan memastikan pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 kepada setiap anggota yang layak adalah tepat dan teratur. Jika ada anggota yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 tetapi tersenarai sebagai penerima bayaran, sila maklumkan pejabat ini **selewat-lewatnya pada 30 Disember 2013**.

8. Jika berlaku lebihan bayaran atau terkurang dibayar, pelarasan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang tunggakan JBN 54 (a) dan dikemukakan ke Seksyen Gaji dan Pencen bersama input gaji bulan **Mac 2014** melalui Sistem E - Pay A3.

9. Anggota yang gajinya aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) dalam bulan Januari 2014 dan layak dibayar Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 tetapi tidak tersenarai dalam **Laporan di para. 7**, maka pembayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 kepada anggota berkenaan boleh dibuat melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB).

**KAEDAH PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2013 MELALUI SISTEM BAUCAR BERASINGAN (SBB)**

10. Anggota yang gaji bulanannya telah dikeluarkan dari SGP atau tidak aktif dibayar melalui SGP pada bulan Januari 2014 kerana bersara, meninggal dunia, letak jawatan, tamat perkhidmatan dan seumpamanya **tetapi layak** dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013, maka pembayaran hendaklah dibuat secara manual melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB).

11. Bagi anggota yang masih berkhidmat dan dibayar gaji melalui SBB, baucar bayaran Imbuan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 hendaklah disediakan oleh Kementerian/Jabatan di mana anggota berkenaan sedang berkhidmat dan mengemukakan baucar bayaran tersebut ke pejabat pembayar yang berkaitan (Seksyen Gaji dan Pencen, Ibu Pejabat Jabatan Bendahari Negeri/Bendahari Daerah/Ibu Pejabat Jabatan Mengakaun Sendiri).

12. Bagi anggota yang dibayar gaji melalui Pendahuluan Diri, Pembayaran Imbuan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 hendaklah dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

13. Pejabat yang menyedia pembayaran hendaklah memastikan baucar bayaran yang dihantar adalah lengkap, jelas dan teratur dan dihantar **sebelum atau pada 10 Januari 2014**. Baucar bayaran yang lewat dihantar atau mendapat teguran berkemungkinan tidak akan menerima bayaran Imbuan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 pada tarikh yang ditetapkan.

14. Bagi pembayaran melalui SBB, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk mengutip balik baki debit yang masih terdapat di dalam Akaun Pendahuluan Diri (bagi tujuan bertugas di luar stesen) di atas nama pegawai-pegawai yang berkenaan dengan memotong jumlah yang berkaitan dari Imbuan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 yang akan diterima. Ini boleh dilaksanakan dengan mendebit vot bayaran emolumen yang berkaitan dan mengkreditkan vot Akaun Pendahuluan Diri yang berkenaan.

**KOD BAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2013**

15. Bayaran Imbuan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 yang dibayar melalui Sistem Gaji Pusat / Sistem Baucar Berasingan hendaklah menggunakan kod seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD GAJI	PERIHAL
15103	400	Imbuhan Tahunan
	601	Tunggakan Imbuhan Tahunan/Bonus
	787	Bayaranbalik Imbuhan Tahunan
13101	252	Bonus KWSP(M)
	804	Bonus Potongan KWSP
29304	402	Imbuhan Tahunan (Vot Terbuka)
	797	Bayaranbalik Imbuhan Tahunan (Vot Terbuka)
29303	257	Bonus KWSP (M-Vot Terbuka)
	804	Bonus Potongan KWSP (Vot Terbuka)

#### POTONGAN CUKAI PENDAPATAN DAN CARUMAN KWSP

16. Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 yang hendak dibayar tetapi akan diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Anggota Perkhidmatan Awam digalakkan untuk menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

17. Caruman KWSP akan dikenakan ke atas Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 mengikut Jadual Ketiga (Seksyen 43) kadar Caruman KWSP.

#### TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

18. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memahami pelaksanaan, syarat pembayaran dan kaedah pengiraan pembayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 15/2013 bagi memastikan pembayaran kepada semua anggota di Jabatan masing-masing adalah teratur.

19. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot Jabatan/Kementerian masing-masing adalah mencukupi untuk pembayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Prestasi Tahun 2013. Jika baki peruntukan Jabatan/Kementerian tidak mencukupi, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon Pindah Peruntukan (Virement) atau Peruntukan Tambahan (ASP) di mana berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.


**PENUTUP**

20. Sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliing ini hendaklah ditujukan kepada Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272000, 088-255628 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**

**'PROFESIONALISME, MESRA DAN PROGRESIF'**

  
(CHUI NGIET NGO)  
Bendahari Negeri

s.k Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
Peti Surat 128  
**88592 KOTA KINABALU**

(u/p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah  
Jabatan Pertanian Sabah  
Wisma Pertanian  
Beg Berkunci 2060  
**88632 KOTA KINABALU**

(u/p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah  
Jabatan Perhutanan Sabah  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**

(u/p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah  
Jabatan Tanah dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**

(u/p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Wisma Kewangan  
**88999 KOTA KINABALU**

(u/p: Encik David Augustine / Puan Hajah Kamariah Abas /Puan Rafidah Binti Ali Hassan )

s.k Semua Bendahari Daerah

↑  
BB/ACA/st